

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI B. MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

SOALAN

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini penyalahgunaan dadah di peringkat belia dan keberkesanan program-program pencegahan bersama Kementerian-Kementerian lain dalam mencegah masalah ini daripada usia muda.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Mengikut Maklumat Dadah Kebangsaan (MyAADK), dalam tempoh suku pertama 2019, sejumlah 5,076 orang penagih yang dikesan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Daripada jumlah tersebut, 73.9 peratus (3,752 orang) adalah dalam kalangan belia dalam julat umur 19 sehingga 39 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui AADK sentiasa bekerjasama dengan semua Kementerian dalam menangani pelbagai isu berkaitan pencegahan dan pemulihan penyalahgunaan dadah di negara ini.

Kolaborasi yang dilaksanakan oleh KDN dengan kementerian-kementerian lain lebih bertumpu kepada program-program pencegahan, intervensi dan juga operasi bersepadu dalam mengesan penagih dadah. Antara program-program kolaborasi yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 40

BIL	NAMA PROGRAM	KEMENTERIAN TERLIBAT
1	Keluarga Bebas Dadah <i>Family On Alert (FOA)</i>	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
2.	Institusi Pendidikan Bebas Dadah 1. PINTAR 2.0 (Program Intelek Asuhan Rohani) 2. SHIELDS (Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya) 3. <i>Tomorrow's Leader</i>	Kementerian Pendidikan Malaysia
3	Tempat Kerja Bebas Dadah	Kementerian Sumber Manusia (KSM) – sektor swasta Jabatan Perkhidmatan Awam dan 24 Kementerian – sektor kerajaan.
4	Komuniti Bebas Dadah 1. SKUAD AADK (Sukarelawan Antidadah); 2. SMART (Sukses, Matang, Aktif Rasional); 3. HADK (Sambutan Hari Antidadah Peringkat Kebangsaan)	Kementerian Belia dan Sukan Jabatan Perpaduan dan Integriti Nasional (JPNIN); Kementerian yang terdapat di dalam menggerakkan Dasar Dadah Negara: 1. Jabatan Perdana Menteri; 2. Kementerian Pendidikan Malaysia; 3. Kementerian Belia dan Sukan; 4. Kementerian Kesihatan Malaysia; 5. Kementerian Pengangkutan Malaysia; 6. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia; 7. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; 8. Kementerian Sumber Manusia dan 9. Kementerian Luar Negeri.